

# Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik Di Malaysia



**S**eminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia telah berlangsung dengan jayanya pada 20-21 Disember 2010 bertempat di Bayview Beach Resort, Pulau Pinang. Seminar pertama seumpamanya di Malaysia telah berjaya menghimpunkan lebih daripada 150 orang peserta yang terdiri daripada profesional maklumat, ahli akademik, pembekal buku, pembekal prasarana ICT serta pembekal perkhidmatan atas talian dari dalam dan luar negara. Seminar dua hari ini diisi dengan perkongsian maklumat berkaitan amalan terbaik dalam pengurusan sumber maklumat elektronik, penawaran sumber elektronik, perancangan strategik sumber elektronik, literasi maklumat, pengukuran prestasi utama sumber elektronik, pembangunan sumber elektronik, rangkaian kerja sama, langganan secara konsortium dan pelbagai lagi. Bagi tujuan berkenaan, Perpustakaan UniMAP telah membawa para pemimpin organisasi, profesional maklumat dari dalam dan luar negara untuk berkongsi pandangan serta pencapaian dalam pengurusan dan penawaran sumber elektronik. Ini termasuklah empat orang pembentang dari Association of Research Libraries (ARL) di Amerika Syarikat, Korea Research and Information Services (KERIS), Deakin University Library dan Victoria State Library, Australia.

Majlis perasmian Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia telah disempurnakan oleh Y.Bhg Datuk Omar Haji Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Pengajian Tinggi dengan disaksikan oleh Y.Bhg Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP serta para pegawai utama universiti. Pada majlis sama, Y.Bhg. Datuk Omar Haji Abdul Rahman telah melancarkan buku Pengurusan dan Penawaran Sumber Maklumat Elektronik yang telah dihasilkan oleh Puan Mazmin Mat Akhir dan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin, mantan Ketua Pustakawan UniMAP. Selesai majlis pelancaran, para jemputan menyertai lawatan ke pameran produk dengan pendedahan kepada pelbagai sumber maklumat elektronik komersil di pasaran serta peralatan ICT yang telah serta bakal dimanfaatkan oleh perpustakaan di Malaysia. Bersempena seminar berkenaan, program Pameran dan Pemilihan Buku 2011 telah dijalankan di lokasi sama pada 22 Disember 2010 dengan disertai oleh 8 pembekal buku utama di Malaysia.